

GADING

**Jurnal
UiTM Cawangan Pahang**



JILID 5 BIL : 3

JAN-JUN 2000

ISSN 0128-5599

KERTAS KERJA PENYELIDIKAN / RESEARCH PAPERS

**VARIATION OF MOISTURE CONTENTS AND DENSITY IN BAMBOO
ABD JALIL HJ. AHMAD AND JAMALUDDIN KASIM**

**EFFECTS OF AGE AND HEIGHT PORTION ON THE CHEMICAL PROPERTIES OF BULUH SEMANTAN
JAMALUDDIN KASIM**

**STRENGTH PROPERTIES OF ENGINEERED WOOD I-JOIST WITH FINGER JOINTED ORIENTED STRAND BOARD (OSB) WEB AND LAMINATED VENEER LUMBER FLANGES (LVL)
WAN MOHD NAZERI WAN AHMAD**

**PENCIRIAN SIFAT-SIFAT KESUPERKONDUKSIAN SERAMIK
H. AZHAN, S.A. HALIM, S.Y.S. YUSAINEE DAN K. AZMAN**

**DETERMINATION OF HEAVY METALS IN AIR PARTICULATE MATTER BY ION CHROMATOGRAPHY
MOHD ZAHARI ABDULLAH @ RAFIE, RAMALAN AHMAD**

**VARIATION IN FIBRE MORPHOLOGY AND POROSITY OF RUBBERWOOD (HEVEA BRASILIENSIS)
SUHAIMI MUHAMMED, MOHD HAMIMI SAHRI**

**THE PROPERTIES OF RECONSTITUTED PANEL MANUFACTURED FROM OIL PALM FRONDS
CHEN FUNG WOO & SUHAIMI MUHAMMED**

PENGURUSAN DISOROT MELALUI JENDELA SIRAH

RASID BIN MUHAMAD
Universiti Teknologi MARA
Kampus Jengka, Pahang

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan dan menghuraikan berbagai aspek pengurusan dari sudut praktik dan contoh yang dilaksanakan dengan berkesan oleh Rasulullah SAW. Aspek-aspek pengurusan tersebut disenaraikan berserta dalil yang menjadi panduan dan contoh-contoh yang membuktikan keberkesannya.

PENGENALAN

Rasulullah (saw) adalah manusia istimewa. Baginda adalah contoh teladan untuk seluruh manusia terutamanya kepada umat Islam. Sebagai manusia agung, tentunya sirah, (sejarah hidup) baginda mendapat sorotan oleh pelbagai pihak yang mencakup pula pelbagai aspek kehidupannya. Rasulullah tidak hanya dikagumi oleh mereka yang beriman, tetapi juga manusia yang belum beriman, yang objektif dalam penulisannya. Hal terjadi kepada **Michael H. Hart** dalam bukunya **The 100: A Ranking of The Most Influential Person In History**, yang meletakkan nabi Muhammad di tempat yang teratas iaitu tempat yang pertama dari kalangan manusia 'yang berpengaruh' dalam sejarah dunia. Walaupun dalam beberapa hal tulisan ini boleh dipertikaikan namun, nabi Muhammad (saw), diakui sebagai tokoh yang istimewa, oleh dunia termasuk juga oleh mereka yang bukan Islam.

Berdasarkan kepada hal yang sedemikian, dirasakan amat wajar kiranya sirah baginda ini disorot dan diteliti serta diambil manfaat baginda itu dapat dihayati oleh generasi kini dan akan datang dengan meneliti dan memahami sejarah hidup baginda itu.

Tulisan ini akan cuba untuk melihat sekelumit dari keseluruhan kehidupan manusia agung ini, iaitu peristiwa hijrah, dan pekaitannya dengan pengurusan dan organisasi.

HAKIKAT HIJRAH

Hijrah adalah satu istilah yang penting kepada umat Islam. Didalam Al-Quran, perkataan yang berhubung dengan hijrah diulang-ulang tidak kurang dari 24 kali. Ini menunjukkan bahawa ianya suatu yang utama dan penting. Hal ini dapat difahami, bahawa Al-Quran, hanya membicarakan persoalan utama dan prinsip. Justeru perulangan perkataan hijrah ini, adalah satu hakikat tentang peri pentingnya hijrah tersebut.

Hijrah sebenarnya suatu peristiwa besar yang bukan hanya merujuk kepada perpindahan fizikal antara Mekah dan Madinah, hatta ke Habsyah sebelum itu, tetapi merupakan penghijrahan dalaman, yang menjadi pengaruh kepada perubahan luaran. Dalam konteks

organisasi dan pengurusan, tentunya peristiwa hijrah ini punya asas yang penting, yang sekaligus menyerlahkan baginda sebagai pemimpin dan pengurus yang terbaik.

ORGANISASI PENGURUSAN

Organisasi dan pengurusan adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Secara umumnya sebuah organisasi itu, mempunyai matlamat dan identiti sendiri, mempunyai autoriti tersendiri, dan pembahagian tugas dan tanggungjawab, dan pelaksanaan tugas dan kegiatan. (Jauhar Ali, 1987 1-2).

Manakala pengurusan pula ialah satu proses yang dilakukan dikalam organisasi bagi mencapai matlamat atau objektif organisasi. Tentunya pengurusan itu melibatkan soal, perancangan, penyusunan, pengarahan, dan pengawalan.

BEBERAPA ISU UTAMA

Dengan mengambil peristiwa Hijrah sebagai contoh, ianya akan melihatkan beberapa isu utama dalam pengurusan dan organisasi.

1. Pengenalan Manusia

Sejak dahulu lagi, hingga ke zaman kini dan akan datang, isu sebenar sesebuah organisasi dan yang berkaitan denganya adalah menyentuh langsung tentang manusia. Atau dengan kata-kata yang lain, isu utama kalam organisasi dan pengurusan adalah soal manusia dan kemanusiaan.

Berdasarkan kepada hakikat tersebut untuk kemantapan organisasi persoalan pembinaan 'manusia' adalah satu isu yang pokok. Dalam hubungan ini, sebelum pelaksanaan Hijrah, proses pembinaan manusia ini telah dilakukan dan tentunya pembinaan tersebut dalam bentuk yang sepadu dan menyeluruh sifatnya.

Pembinaan manusia ini melibatkan tiga dimensi yang utama iaitu, aspek kerohanian, intelektualn, dan kejasmanian. Satu hakikat yang perlu deakui, peoses pembinaan manusia ini adalah satu proses yang berterusan dan berkesinambungan. Dengan cara ini sahaja organisasi akan bertambah mantap.

Pendidikan kerohanian atau tarbiah rohaniah, merupakan persiapan pokok untuk melahirkan anggota organisasi yang tidak bermasalah. Tentunya ia suatu yang wajar kerana kerohanian adalah aspek utama kejadian manusia.

Amalan utama untuk memupuk kerohanian ialah dengan melaksanakan amalan qiamulail, dan ini sejajar dengan firman Allah yang bermaksud:-

Hai orang-orang yang berselimut (Muhammad saw), bangunlah (untuk sembahyang) di malam hari, kecuali sedikit (daripadanya). , iaitu seperdua itu sedikit, atau lebih dari seperdua itu sedikit.

(Al Muzzamil (73) 1-4)

Amalan bangun tengah malam ini dipenuhi dengan sembahyang sunat, seperti sunat Tahajjud, sunat Tasbih, atau yang lainnya. Di samping berzikir dan membaca Al-Quran.

Kesungguhan Rasulullah (saw) dalam melaksanakan amalan malam telah digambarkan Saidatina Aishah, melalui Hadith Rasulullah yang bermaksud:

“Bahawa Nabi (saw) telah bangun beribadat di malam hari hingga pecah-pecah kaki baginda, lalu aku (Aishah) bertanya kepadanya. “Untuk apa tuan hamba melakukan hingga sedemikian rupa Ya Rasulullah (saw) sedangkan Allah telah mengampunkan dosa tuan hamba yang dahulu dan yang akan datang”. Rasulullah (saw) menjawab, “Tidak bolehkah aku menjadi hamba Allah yang bersyukur?”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Di samping menghidupkan malam dengan pelbagai kegiatan pembinaan kerohanian juga melibatkan amalam-amalan yang lain, seperti bersedekah, berpuasa sunat terutama hari Isnin dan Khamis.

Di samping kemantapan kerohanian baginda dan para sahabat juga membina kecerdasan pemikiran dan keintelektualan. Walaupun baginda tidak mendapat pendidikan yang formal seperti sekarang namun proses peningkatan keilmuan itu terus berkembang. Ianya adalah kesan dari revolusi pemikiran yang dicetuskan oeh semangat ‘iqra’ (membaca) yang merupakan ayat yang pertama yang diturunkan kepada baginda.

Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan, daya intelek baginda sentiasa berkembang, dan mendapat bimbingan dari Allah. Dan tentunya Al-Quran, adalah menjadi sumber utama dalam pembentukan keintelektualan dan pemikiran. Berdasarkan bimbingan dan petunjuk dari Allah, ianya menjadikan baginda berfikir secara benar dan tepat. Hal ini dinyatakan oleh Al-Quran, yang bermaksud:

“ Dia tidak berkata menurut nafsunya tetapi (apa yang diperkatakannya) adalah sesuatu yang diwahyukan kepadanya”.

(An-Najm ():3)

Selain dari unsur kerohanian dan keintektualan, Rasulullah amat mengambil berat tentang aspek kejasmanian atau fizikal. Di antara aspek fizikal yang dibina oleh baginda adalah merujuk kepada persoalan pemakanan. Pemakanan amat mempengaruhi kesihatan seseorang.

Baginda telah mengusulkan agar memakan makanan yang baik, iaitu halal dan berzat. Baginda akan makan setelah lapar, dan berhenti makan sebelum (terlalu) kenyang. Gambaran konsep makan yang diamalkan oleh baginda dapat dilihat melalui sabda baginda yang bermaksud:

“Orang-orang kafir makan dengan tujuh perut dan orang yang beriman makan dengan hanya satu perut”.

(Riwayat Muslim)

Di samping itu, Rasulullah juga melakukan pergerakan fizikal untuk membina dan mengekalkan kecergasan tubuh badan. Kesihatan fizikal ini penting kerana akal yang cerdas itu akan lahir dari tubuh yang sihat dan cergas.

Diriwayatkan bahawa Rasulullah juga melakukan amalan memanah dan memacu kuda. Ibnu Umar misalnya meriwayatkan bahawa baginda Rasulullah (saw) pernah turut serta dalam perlumbaan kuda. Dapatlah difahami, bahawa pemupukan sifat-sifat manusia yang sempurna adalah pra-syarat yang mempengaruhi kejayaan hijrah, Rasulullah (saw), dan ianya juga mengisyaratkan, kejayaan organisasi adalah amat ditentukan oleh oraganisasi, maka semakin tinggilah pula potensi organisasi untuk mencapai kecermerlangan.

2. Objektif dan Matlamat

Salah satu isu penting yang amat mempengaruhi kejayaan organisasi ialah soal objektif dan matlamat. Kejelasan matlamat ini bukan hanya perlu difahami oleh pimpinan tetapi oleh setiap anggota di dalam organisasi.

Kefahaman terhadap matlamat pula delengkapi dengan keikhlasan, tanpa oleh kepentingan peribadi. Inil bermakna, matlamat organisasi hendaklah didahulukan mengatasi kepentingan peribadi dan sebagainya. Inilah sebenarnya yang diisyaratkan oleh Rasulullah (saw), melalui hadis baginda yang berkait langsung dengan persoalan hijrah. Sabda Rasulullah (saw):
Ertinya:

“Sesungguhnya segala amal itu dengan niatnya, dan sesungguhnya setiap (amalan) seseorang itu (kualitinya) amat bergantung kepada niatnya. Barang siapa yang berhujrah kerana Allah dan RasulNya, maka penghijrahannya adalah kerana Allah dan RasulNya. Dan barang siapa yang berhujrah kerana dunia yang akan dinikahinya, maka hijrahnya itu sesuai dengan niat hijrah yang ia lakukannya.”

(Bukhari dan Muslim)

Nyatalah objektif dan matlamat organisasi itu perlu difahami dan dihayati, yang akhirnya akan membawa pencapaian cemerlang organisasi tersebut. Ini telah berjaya dihayati oleh Rasulullah (saw) dan para sahabatnya, terutama dalam peristiwa hijrah, yang menjadikan hijrah tersebut berjaya dilaksanakan, sementara

objektif dapat memberi hala tuju yang hendak dicapai. Dengan itu, membolehkan setiap anggota memberikan sumbangan bagi mencapai matlamat tersebut. Matlamat itu perlu benar-benaar dapat dikongsi bersama.

Dari peristiwa hijrah, akan didapati betapa Rasulullah (saw) mempunyai matlamat perjuangan yang jelas. Malah lebih dari itu, pengikut-pengikut baginda juga mempunyai kemantapan kefahaman, terhadap matlamat dan objektif yang diperjuangkan. Ini dapat dikesan melalui kenyataan yang dikemukakan oleh Ja'far bin Abi Talib, yang menjelaskan matlamat perjuangan, mereka, apabila ditanya oleh Najsyi, penerintah Habsyah, dalam Hijrah umat Islam ke sana. Kata Ja'far bin Abi Talib, sebagaimana yang dicatat oleh Ibnu Hisyam:

“Hai Raja, kami sebelum ini adalah orang-orang yang jahil yang menyembah berhala, kami pernah makan bangkai binatang dan membuat perkara yang kani tidak memenuhi tanggungjawab kami, dan menyakiti jiran-jiran kami. Yang kuat di antara kami akan bermaharajalela menindas yang lemah sehingga akhirnya Allah mendatangkan seorang Rasul untuk menyelamatkan kami. Kelakuannya, akhlaknya, kebenarannya, amanahnya amat diketahui oleh kami semua. Dia mengajak kami untuk menyembah Allah, dan menyuruh, kami meninggalkan kekufuran, dan menyembah berhala. Dia mengajar kami bercakap benar, menyempuankan amanah, menghormati kaum kerabat dan berbuat baik kepada jiran-jiran. Dia mengajar kami supaya menjauhkan diri dari pertumpahan darah. Dia melarang kami semua perkara yang keji seperti bercakap bohong, menuduh perempuan yang baik melakukan maksiat. Oleh itu, kami pecayakannya, mengikutnya dan melaksanakan segala ajarannya”.

(Al-Maududi, 1984)

Kenyataan yang dikemukakan oleh Ja'far bin Abi Talib di atas menunjukkan bahawa Rasulullah (saw) telah berjaya menyampaikan kefahaman terhadap apa yang diperjuangkan kepada pengikutnya, dan dengan kefahaman itu membuahkan keyakinan, dan semangat juang ke arah mencapainya, dengan meninggalkan kepentingan sanggup menghadapi cabaran dan rintangan.

Kejelasan matlamat itu perlu difahami dan dikongsi bersama oleh setiap lapisan dalam organisasi. Dengan caraitu sahajalah, segala langkah dapat dicapai, segala tenaga dapat digembleng demi mencapai matlamat dan objektif tersebut.

3. **Bekerja Secara Kolektif**

Salah satu ciri bekerja yang diusulkan oleh Islam ialah melaksanakan sesuatu amanah itu secara kolektif. Tentunya cara bekerja sedemikian adalah hasil dari kesatuan atau nilai yang dikongsi bersama oleh anggota dalam sesebuah organisasi. Ini adalah sejajar dengan firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalanNya dalam barisan yang tersusun rapi seakan-akan mereka seperti satu bangunan yang tersusun kukuh.”

(Al-Saff: 63-4)

Dengan menghayati arahan ayat tersebut Rasulullah (saw) telah merealisasikan dalam kehidupan baginda, dan ini terserlah dengan nyatany dalam peristiwa hijrah.

Dengan menghayati tuntutan bekerja secara kolektif, segala tenaga yang ada dapat dimanfaatkan semaksimumnya, demi mencapai matlamat yang inging dituju.

Dalam peristiwa hijrah, baginda Rasulullah (saw) telah memanfaatkan segala apa yang ada untuk mencapai matlamatnya. Baginda telah memanfaatkan Abdullah bin ‘Uraiqat (masih belum Islam), untuk menunjukkan jalan yang paling selamat untuk sampai ke Madinah. Saidina Ali bin Abi Talib (r.a), ditugaskan untuk tidur di pembaringan baginda pada malam baginda berhijrah. Amir bin Fuhairah ditugaskan untuk membawa kambing-kambingnya bagi menutup dan menghapuskan kesan laluan yang dilalui oleh Asma’ bin Abu Bakar dan Abdullah bin Abu Bakar. Asma’ bin Abu Bakar (masih kanak-kanak) ditugaskan untuk membawa makanan kepada baginda dan Saidina Abu Bakar di Gua Thur. Abdullah bin Abu Bakar berperanan mengintip pergerakan yang dilakukan oleh musuh baginda dan melaporkan kepada baginda yang bersembunyi di Gua Thur.

(Al-Buti, 1983:223-224)

Melalui catatan sejarah hijrah ini, mnunjukkan betapa bekerja secara kolektif adalah etos kerja dalam Islam yang dihayati oleh baginda. Dengan bertindak sedemikian, seluruh potensi dan bakat yang ada dimafaatkan, dari seorang hamba, orang yan bukan Islam, kanak-kanak, orang dewasa, hatta kambing pun dimanfaatkan demi untuk menjayakan hijrah yang dirancang.

Tentunya dalam konteks organisasi, kejayaan organisasi itu amat ditentukan, oleh faktor sejauh manakah anggota organisasi itu dimanfaatkan, tenaganya digembleng, bakatnya dipupuk, demi untuk mencapai objektif organisasi. Jikalau semangat bekerja secara kolektif ini tidak diamalkan, tentunya bakat dan potensi yan ada tidak dimanfaatkan, dan ianya satu kerugian yang amat besar kepada sesebuah organisasi.

4. Kepimpinan yang Berkualiti

Salah satu unsur yang amat mempengaruhi kejayaan organisasi ialah bermutu atau kualiti kepimpinan dalam organisasi tersebut. Inilah yang ditunjukkan oleh Rasulullah (saw), khususnya dalam peristiwa hijrah, bahawa baginda merupakan pemimpin ummah yang berkualiti.

Watak dan keperibadian yang ada pada baginda, begitu meyakinkan, hatta gelaran **Al-Amin**, (orang yang amanah) itu diberikan oleh masyarakat setempat. Ini menunjukkan bahawa baginda merupakan manusia pilihan, dan ‘contoh teladan kepada manusia umumnya’ dan kepada pengikutnya secara khusus. Dan ini adalah **aset** yang berharga kalam memenuhi sifat pemimpin yang berkualiti.

Di antara ciri pemimpin yang berkualiti, ialah kemampuannya menganalisis suasana setempat, serta suasana luaran. Sebab itu, baginda mengarahkan penghijrahan pertama selakukan ke Habsyah dan tidak ke tempat yang lain, kerana baginda dapat “**membaca**” watak pemimpin di negara Habsyah tersebut. Ternyata bacaan baginda tepat!

Baginda juga mampu melihat beberapa unsur utama dalam menganalisis sesuatu, iaitu soal ancaman dan peluang. Baginda sudah mengenal pasti ancaman yang telah dan bakal baginda serta umat Islam hadapi di Mekah, hingga ke tahap untuk membunuh baginda. Tentunya ancaman sedemikian memerlukan tindakan yang strategik dan berkesan.

Dalam masa yang sama baginda juga mampu melihat peluang yang ada untuk mencipta kejayaan iaitu di Madinah. Berdasarkan beberapa peristiwa, yang mengisyaratkan bahawa masyarakat Madinah “**bersedia**” untuk menerima baginda, maka tentunya ini adalah satu “peluang” yang perlu diraih demi kemaslahatan ummah.

Di samping itu, baginda seorang yang benar-benar mengenali secara tepat potensi dan bakat yang ada pada ‘**pengikut baginda**’. Baginda telah menggunakan bakat tersebut dengan semaksimum, dalam peristiwa hijrah yang penuh berkat itu. Baginda mampu meletakkan pengikutnya berdasarkan watak dan potensinya yang pelbagai itu. Oleh sebab itu, baginda memperingatkan, kesilapan dalam meletakkan seseorang ke jawatan-jawatan akan membawa ini implikasi yang negatif, sebagaimana sabda baginda yang bermaksud:

“Jikalau diserahkan sesuatu amanah kepada mereka yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancurannya.”

(Riwayat Bukhari)

Ringkasnya, pemimpin yang berkualiti, ialah pemimpin yang dapat megawal diri dan boleh dicontohi, mempunyai wawasan masa depan, mampu menganalisis cabaran dan peluang, mengenal pasti potensi yang ada dan dapat memanfaatkan potensi itu untuk mencapai objektif organisasi atau perjuangan. Ini telah dimanifestasikan oleh baginda melalui peristiwa **hijrah**, yang sesungguhnya menyerlah lagi hakikat keagungan baginda sebagai pemimpin.

5. Displin yang Tinggi

Displin yang tinggi adalah salah satu syarat yang amat mempengaruhi maju mundurnya sebuah organisasi. Di antara disiplin asasi ialah ketaatan terhadap keputusan atau pemimpin. Allah berfirman maksudnya:

“Taatilah Allah dan Rasul serta Amin (pemimpin) di kalangan kamu”.

(An-Nisa’: 59)

Rasulullah (saw) pernah menegaskan, dalam sabda baginda yang bermaksud:

“Sesiapa yang mematuhi (taat) perintahku, maka sesungguhnya bererti mematuhi perintah Allah, dan sesiapa yang melanggar perintahku, maka sesungguhnya bererti melanggar perintah Allah. Siapa yang mematuhi perintah amir (ketua) sesungguhnya bererti mematuhi perintahku dan siapa yang melanggar perintah amir (ketua) maka bererti melanggar perintahku”.

(Riwayat Muslim)

Kepatuhan kepada pemimpin itu adalah satu kewajipan walau dalam keadaan yang bagaimana sekalipun. Rasulullah (saw) bersabda yang bermaksud:

“Kewajipan kamu tetap mendengar mematuhi perintah dalam masa susah atau senang, (dalam perkara) yang disukai atau kurang disukai, atau tidak mendahulukan kepentingan kamu”.

(Riwayat Muslim)

Kepatuhan kepada pemimpin ini meliputi semua urusan selama mana ia tidak bercanggah dengan hukum dan peraturan Allah, Rasulullah (saw) bersabda maksudnya:

“Kewajipan seorang muslim itu mendengar dan taat dalam perkara dia sukai atau tidak selama mana ianya tidak suruh melakukan maksiat maka tidak adalah (kewajipan) untuk didengar dan ditaati”.

(Riwayat Muslim)

Kepatuhan pengikut Rasulullah (saw) terhadap baginda begitu terserlah dalam peristiwa Hijrah. Masing-masing yang diamanahkan melaksanakan tugas telah melaksanakan dengan penuh kepatuhan, walaupun tugas tersebut mempunyai risiko yang tinggi. Misalnya, kepatuhan Saidina Ali bin Abi Talib untuk tidur ditempat tidur Rasulullah (saw), adalah satu contoh kepatuhan yang mengandungi risiko yang tinggi, iaitu kemungkinan dibunuh. Namun, sifat taat dan disiplin yang tinggi telah mengatasi segalanya. Dengan tindakan ini telah menyebabkan kaum musyrikin tertipu, dan Rasulullah (saw) dan umat Islam telah berhujrah dengan jayanya. Begitulah juga dengan kepatuhan Asma’, Abdullah dan Amir bin Fuhairah, dan juga Sidina Abu Bakar, yang menunjukkan kepatuhan yang tidak berbelah bagi terhadap arahan Rasulullah (saw), demi masalah perjuangan Islam.

Nyatalah tanpa kepatuhan sebuah organisasi atau perjuangan akan kecundang, dan jauh dari mencapai kejayaan dan kecemerlangan sebaliknya, kepatuhan dan disiplin yang tinggi, akan membuahkan keberhasilan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah (saw) dan umat Islam dalam peristiwa hijrah.

6. Pengorbanan

Dalam apa-apa kegiatan ianya menuntut pengorbanan. Semakin tinggi matlamat atau objektif yang hendak dicapai semakin tinggi pula pengorbanan yang diperlukan. Peristiwa hijrah mengesahkan hakikat tersebut, yang mana Rasulullah (saw) dan para sahabat dalam pelbagai bidang, seperti harta dan kebendaan, masa dan perasaan, kesusahan, ancaman dan kesukaran.

Dalam peristiwa hijrah, ianya memperlihatkan nilai pengorbanan yang cukup tinggi, yang disumbangkan oleh Rasulullah (saw) dan para pengikutnya demi perjuangan yang suci itu.

Rasulullah (saw) dan para sahabat (muhajirin), telah mengorbankan segala kesenangan dan kekayaan yang mereka miliki, dan meniggalkannya di Mekah, dan membawa harta seadanya ke Madinah. Bukan sahaja harta yang mereka tinggalkan tetapi juga tanah air dan sanak saudara yang amat mereka cintai, di Mekah, dari sudut psikologikal yang amat tinggi oleh golongan muhajirin.

Kesediaan Saidina Ali menggantikan Rasulullah (saw) asalah contoh istimewa, bukti pengorbanan seorang pemuda demi untuk mencapai kejayaan dalam suatu perjuangan.

Begitu juga dengan kesediaan umat Islam berhijrah ke Habsyah dan ke Madinah dari Mekah, yang merupakan satu jarak yang tidak kurang jauhnya dengan menaiki kuda, unta dan berjalan kaki, adalah lambang pengorbanan yang tinggi. Tentunya perjalanan yang sedemikian adalah satu yang sukar, tambah pula dalam suasana tertekan oleh ancaman pihak musuh Islam.

Pengorbanan bukan hanya dilakukan oleh golongan **Muhajirin** tetapi juga oleh golongan **Ansar** di Madinah, yang sanggup berkorban apa sahaja untuk membantu saudara seperjuangannya, yang telah meniggalkan harta dan saudara mara di Mekah.

Sesungguhnya pengorbanan adalah salah satu syarat perjuangan, sebab itu balasan yang cukup besar dianugerahkan oleh Allah kepada mereka yang berkorban. Firman Allah yang bermaksud:

“Apakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum nyata bagi Allah, orang-orang yang berjihad di antara kamu, dan belum nyata orang-orang yang sabar”.

(Ali Imran (3) : 142)

Sesungguhnya pengorbanan akan menyuburkan kualiti dalaman yang positif bagi manusia. Dalam perjuangan Islam, pengorbanan itu memperteguhkan setiaan dan keimanan terhadap Allah. Di samping itu pengorbanan dan iltizam itu merupakan interaksi dua hala, iaitu lebih kuat teguh keimanan, lebih besarlah semangat dan kesanggupan untuk berkorban, dan lebih besar pengorbanan, lebih teguh dan mendalam pula keimanan.

(Khuram Murad 1987:9)

Dalam hubungan dengan hijrah tentunya pengorbanan yang dicurahkan oleh umat Islam telah meninggikan kecintaan mereka kepada Islam, yang membolehkan mereka melakukan pengorbanan yang lebih besar dari itu selepas itu.

Oleh itu, dalam konteks organisasi tentunya pengorbanan ini juga dituntut dari seluruh anggota dalam sesebuah organisasi, dan pengorbanan itu pula ditumpahkan seuruhnya bagi mencapai matlamat atau objektif organisasi.

Dari peristiwa hijrah ianya menjelaskan bahawa pengorbanan itu amat berkait dengan matlamat yang hendak dicapai, yang difahami dan dikongsi bersama. Kefahaman itu dibajai pula oleh keikhlasan dan kecintaan terhadap perjuangan. Persefahaman dan kecintaan akan membuahkan pengorbanan, kerana kecintaan itu dilengkapi oleh pengorbanan dan ianya saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Ringkasnya, semakintinggi kefahaman seseorang terhadap organisasi, maka semakin tinggilah kecintaannya terhadap organisasi. Semakin tinggi kecintaannya terhadap organisasi sepatutnya semakin tinggilah pengorbanan yang dapat diberikan kepada organisasi. Di samping semakin banyak pengorbanan yang dicurahkan kepada organisasi, semakin sayang dan cinta pula ia kepada organisasi. Begitulah juga sebaliknya.

7. Teknik dan Strategi

Dalam mana-mana perjuangan ianya hanya ditentukan oleh **nawaitu** (niat dan matlamat) yang baik tapi juga ditentukan oleh **how to** (cara atau kaedah) yang dilakukan. Matlamat yang baik tidak semestinya berakhir dengan kejayaan, jikalau ianya tidak dilaksanakan secara bijaksana dan berstrategi. Inilah yang tersirat dari kenyataan yang diungkapkan oleh Saidina Ali, "**Kepalsuan yang tersusun rapi boleh mengalahkan kebenaran yang tidak tersusun rapi**".

Dalam peristiwa hijrah, ianya memperlihatkan betapa sesuatu matlamat yang suci itu perlu dilakukan secara hikmah dan bijaksana. Di antara yang utamanya, ialah sesuatu tindakan itu perlu dilakukan secara terancang. Dalam proses penghijrahan itu ianya berjalan dengan teratur, dan dilakukan secara berperingkat-

peringkat dan sulit, yang tidak memunculkan kaum kafir mengesan pergerakan umat Islam.

Rasulullah (saw) juga menggunakan pelbagai cara, termasuk memanfaatkan khimat Abdullah bin Uraiqat (belum Islam) yang mengetahui jalan yang paling selamat untuk sampai ke Madinah. Ini menunjukkan bahawa dalam usaha untuk mencapai sesuatu matlamat adalah tidak salah untuk menggunakan "**jalan selamat**", asal sahaja tidak melanggar prinsip yang dianjurkan oleh Islam.

Perancangan rapi yang dilakukan oleh Rasulullah (saw) di dalam peristiwa **hijrah** jelas melalui pengurusan Mus'ab bin Umair, ke Madinah, bagi mendidik dan mempengaruhi masyarakat Madinah. Dengan cara ini dapat memberi jaminan bahawa golongan Muslim di Madinah benar-benar faham dan dapat menerima golongan **Muhajirin** yang datang dari Mekah.

Starategi yang lain yang dilaksanakan oleh Rasulullah (saw) dalam peristiwa hijrah ialah tindakan baginda dan Saidina Abu Bakar bersembunyi di Gua Thur, yang terletak di sebelah yang tidak menghala ke Madinah. Ini menyebabkan golongan musuh baginda tidak beria-ia benar untuk menyelidik di gua tersebut.

Satu aspek yang lain, ialah tindakan baginda dalam peristiwa tersebut berdasarkan fakta yang tepat. Baginda mengarahkan Abdullah bin Abu Bakar untuk mengintip dan mendapatkan maklumat, terutama mengenai pergerakan golongan musuh. Ini mengisyaratkan betapa ketepatan maklumat itu penting dalam menentukan kejayaan sesuatu usaha dan perjuangan.

Nyatalah sesuatu perjuangan itu perlu dilakukan dengan teliti dan rapi, seperti yang digambarkan dalam perumpamaan Melayu "**seperti menarik rambut dalam tepung**", agar rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak. Rasulullah (saw) memang bertindak demikian semasa hijrah.

Dalam kaitan dengan organisasi tentunya **hijrah** ini menegaskan beberapa perkara yang penting terutamanya tentang perlunya tindakan yang **berhikmah** dalam mencapai objektif organisasi. Berhikmah dalam erti kata teliti dan berhemat dalam bertindak, tenang dan berdasarkan maklumat atau fakta yang tepat dan sebagainya. Jikalau tidak, tentunya matlamat yang ingin dicapai itu tidak akan kesampaian.

8. Terbuka dan Dinamik

Peristiwa **hijrah** menjelaskan sesuatu perjuangan itu perlu bersifat "**terbuka**" dan "**dinamik**". Terbuka dalam ertikata dapat melihat memanfaatkan unsur-unsur "**luaran**", bagi mencapai matlamat perjuangan. Misalnya sesediaan Rasulullah (saw) mengarahkan para sahabat untuk berhijrah pada hijrah yang pertama ke Habsyah.

Begitu juga dengan tindakan Rasulullah (saw) mendapatkan khidmat Abdullah bin Uraiqat (yang bukan Islam) yang mempunyai kemahiran untuk menunjukkan jalan yang selamat ke Madinah. Ini menunjukkan Rasulullah (saw) bersikap “**terbuka**” tetapi “**selektif**” terhadap unsur yang ada di luar lingkungan masyarakat Islam, yang dapat dimafaatkan oleh umat Islam.

Tentunya dalam konteks organisasi, umat Islam perlu “**terbuka**” dan “**selektif**” terhadap pendekatan dan kaedah yang berkembang di luar lingkungan umat Islam.

Selain dari itu umat Islam perlu hidup secara dinamik dan aktif. Umat Islam perlu melihat perkembangan dalaman, lingkungan dan luaran.

Dalam banyak keadaan perubahan pendekatan organisasi dan bertindak itu adalah satu keperluan. Hijrah mengesahkan hakikat ini, yang mana penghijrahan ke Madinah itu telah memberi suasana baru yang lebih menguntungkan perjuangan Islam.

Kepentingan hijrah ini dalam konteks mengubah pandangan hidup manusia, ditegaskan oleh Ali Syariat, dengan katanya;

Hijrah, yakni keputusan keterikatan masyarakat terhadap tanahnya, bisa mengubah pandangan manusia terhadap alam, dan mengubahnya menjadi pandangan yang luas dan menyeluruh, yang pada akhirnya hilanglah kejumudan, kemerosotan sosial, pemikiran dan perasaan sehingga masyarakat yang rigid dan jumud itu bisa berubah menjadi masyarakat yang dinamis.”

Ali Syariati: 1992 :15

Selanjutnya Ali Syariati menegaskan:

“Hijrah itu sendiri pada dasarnya adalah gerakan dan loncatan besar manusia. Ia meniup semangat perubahan dalam pandangan masyarakat, dan pada gilirannya menggerakkan dan memindahkan mereka dari lingkungan yang beku menuju tangga kemajuan dan kesempurnaan”.

Tentunya “**budaya hijrah**” ini perlu dihidupkan dalam organisasi dalam ertikata, perlunya wujud perubahan dan pengembangan, penggunaan pendekatan dan kaedah yang baru, perpindahan dan pertukaran kakitangan yang mampu membentuk suasana organisasi yang baharu. Tentunya, suasana yang baharu itu akan meningkatkan semangat yang baru, yang akan membawa implikasi positif terhadap organisasi.

9. Usaha dan Tawakal

Hijrah ialah satu usaha yang gigih dengan pelbagai teknik dan hikmah. Walaupun usaha-usaha dan ikhtiar dilakukan, yang bersifat insani, namun hijrah itu penuh dengan nilai-nilai maknawi. Ianya cantuman usaha dan tawakal kepada Allah.

Inilah yang digambarkan oleh Allah melalui firman-Nya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itu mengharapkan rahmat Allah, dan Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

(Al-Baqarah (2) : 218)

Berkat usaha, keikhlasan dan tawakkal kepada Allah, hijrah yang dilakukan iru mendapat pertolongan dari Allah. Tentunya pertolongan Allah itu adalah untuk mereka yang telah berusaha dan ikhlas dalam perjuangannya.

Di antara pertolongan Allah yang jelas nampak dari peristiwa hijrah ini ialah, kemampuan Rasulullah (saw) keluar dari kepungan golongan musyrikin, yang mengepung rumah baginda, dengan hanya membaca sepotong ayat al-Quran dan menabur tanah ke arah mereka.

(Al-Buti, 1983: 233)

Begitu juga dengan peranan labah-labah yang menutupi pintu Gua Thur, setelah Rasulullah (saw) dan Abu Bakar memasuki gua tersebut, untuk bersembunyi dari dijujak oleh gologan musyrikin. Tentunya dengan keadaan demikian menyelamatkan Rasulullah (saw) dari dikesan oleh musuh baginda.

Peristiwa pertolongan Allah kepada baginda dalam peristiwa hijrah ini dirakamkan dalam Al-Quran, firman Allah maksudnya:

“Kemudian Allah menurunkan sakinah (ketenangan) kepadanya (Muhammad) dan diperkuat dengan tentera yang mereka tidak nampak”.

(At-Taubah: 40)

Begitu juga dengan firman Allah yang bermaksud:

“Sedang dia salah seorang dari dua orang ketika keduanya berada dalam gua, diwaktu dia berkata kepada temannya. Janganlah kamu berduka cita, sesungguhnya Allah beserta kita”.

(At-Taubah: 40)

Sesungguhnya usaha dan tawakal adalah saudara kembar yang tidak boleh dipisahkan. Usaha itu satu kemestian kerana Islam mengiktirafkan faktor sebab dan akibat. Namun, usaha itu dikaitkan dengan Allah iaitu dengan bertawakal kepadaNya.

Dengan adanya penghayatan konsep tawakal ini, manusia mengaku kelemahan diri sendiri dan mengharapkan restu dan pertolongan Allah. Dengan bertawakal, seseorang itu akan bersyukur jikalau ia berjaya, dan tidak terlalu kecewa jikalau

ia gagal; setelah benar-benar berusaha. Selain dari itu, dengan ada keikhlasan dan tawakal, ia akan melahirkan keberkatan terhadap apa yang diusahakan.

Tentunya konsep **usaha**, **ikhtiar** dan **tawakal** ini merupakan konsep-konsep penting yang perlu diterapkan di dalam organisasi. Konsep-konsep ini adalah ciri-ciri keunikan berorganisasi dalam konteks umat Islam yang tidak qujud dalam konsep pengurusan yang tidak berteraskan kepada wahyu dan sunnah Rasul, sama ada dari tradisi Barat, mahupun Timur. Konsep ini begitu penting dan wajar disuburkan dalam mana-mana organisasi.

HIJRAH DAN PENGURUSAN ISLAM

Berdasarkan penghuraian terhadap yang berkaitan dengan **hijrah** dan dihubungkan dengan pengurusan dan organisasi, ianya menunjukkan Islam mempunyai asas pengurusan yang tersendiri, yang dipraktikkan oleh Rasulullah (saw) lewat peristiwa yang bersejarah itu.

Dari peristiwa **hijrah** tersebut, dapat dibuat rumusan bahawa pengurusan dan organisasi, ianya menunjukkan Islam mempunyai asas pengurusan yang tersendiri, yang dipraktikkan oleh Rasulullah (saw) lewat peristiwa yang bersejarah itu.

Dari peristiwa **hijrah** tersebut, dapat dibuat rumusan bahawa pengurusan dan organisasi dalam Islam itu amat berkait atau berasaskan prinsip-prinsip berikut:

1. Pembinaan manusia yang setulen dan seutuhnya, berteraskan prinsip Islam.

Iaitu membina unsur asasinya iaitu kerohanian, kejasmanian dan kenintelektualan secara skil dan sepadu. Dengan itu anggota organisasi orang yang berharga yang mesti dimanfaatkan.

2. Organisasi Islam perlu mempunyai matlamat dan objektif yang difahami dan dikongsi bersama oleh anggota organisasi sayugia difahami, bahawa matlamat tersebut seharusnya tidak bercanggah dengan tuntutan Islam.

3. Matlamat yang jelas itu perlu direalisasikan dalam bentuk kerja atau kegiatan secara kolektif. Budaya kerja secara kolektif itu akan memungkinkan setiap potensi yang wujud dalam pembahagian kerja berdasarkan bakat dan kemampuan sebenar anggota organisasi. Dengan cara itu bukan hanya bakat dan potensi anggota organisasi, dapat dimanfaatkan tetapi sekaligus menghormati kehadiran mereka. Bekerja secara kolektif ini dijelmakan juga dalam bentuk mengambil keputusan secara bersama atau menghayati roh "syura" yang menjadi unsur utama pengurusan Islam, terutama dalam proses membuat keputusan.

4. Organisasi yang utuh memerlukan kepimpinan yang berkualiti. Kepimpinan dalam tradisi Islam adalah sebagai satu **amanah** bukan **ghanimah** (harta rampasan perang) yang direbut-rebut. Pemimpin yang berkualiti itu seharusnya dapat mengawal diri, mempunyai wawasan, bijak menilai potensi ahli, dan mampu menggerakkan anggota organisasi ke arah mencapai matlamat organisasi.
5. Displin yang tinggi adalah ciri asas dalam pengurusan dan organisasi. Displin ini amat mempengaruhi kemajuan kepatuhan kepada keputusan dan arahan pemimpin atau organisasi. Dengan cara ini organisasi dapat dikendalikan secara teratur dan kemas.
6. Pengorbanan juga merupakan syarat untuk menjayakan misi organisasi. Oleh itu nilai-nilai pengorbanan kecemerlangan tidak mungkin akan dicapai.
7. Tektik dan strategi juga merupakan ciri pengurusan dalam Islam. Matlamat yang unggul itu perlu diusaha secara berstrategi dan berkhidmat untuk mencapainya. Namun strategi itu jangan melampaui nilai dan etika keislaman, di samping mengambil kira soal realiti dan cagaran yang dihadapi.
8. Dirat berorganisasi dalam Islam juga berdasarkan sifat keterbukaan dan dinamik. Terbuka dalam ertikata dapat memanfaatkan unsur luaran secara selektif demi kepentingan organisasi. Dinamik bermaksud mampu menyesuaikan dengan perubahan dan perkembangan dalam dan luaran, tanpa nilai dan prinsip Islam.
9. Usaha dan tawakal adalah ciri utama pengurusan dalam Islam. Usaha dan kesungguhan yang dilaksanakan perlu dilengkapi oleh sikap bertawakal kepada Allah. Dengan sikap ini seseorang itu tidak akan angkuh jikalau ia berjaya, dan tedak pula ia terlau kecewa jikalau usahanya gagal setelah bersungguh berusaha. Dengan adanya sifat tawakal, seseorang itu dan segera usahanya akan mendapat keberkatan dari Allah.

BERORGANISASI DAN IBADAT

Dengan prinsip dasn kaedah berorganisasi dalam tradisi Islam, ianya masih lagi dalam rangka dan lingkungan beribadat kepada Allah. Tentunya mengurus dan mentadbir berdasarkan nilai dan naungan agama adalah satu tugas yang mulia, yang bukan hanya mendapat ganjaran “gaji” dan kebendaan yang lain, tetapi juga pahala dan balasan yang lain dan balasan yang lain dari Allah.

Dengan perspektif yang sedemikian menjelaskan tugas mengurus dan mentadbir dan sebagainya adalah tugas “keugamaan” yang dapat dijadikan wahana untuk meraih pahla dan rahmat Allah. Ini adalah salah satu motivasi dalaman kepada anggota organisasi

dalam tradisi Islam yang seharusnya berjuang ke arah kecemerlangan dalam segenap bidang dalam lapangan.

KESIMPULAN

Dengan mengkaji satu aspek kecil dari kehidupan Rasulullah (saw) iaitu peristiwa **hijrah**, ianya dapat menjelaskan betapa baginda seorang pemimpin dan pengurus yang unggul.

Melalui peristiwa **hijrah** itu dapat dibuat beberapa disimpulkan tentang prinsip dan dasar pengurusan dalam Islam. Ianya menyerlahkan bahawa Islam tidak kering dari idea-idea yang bernas dan terkedupan dalam hal-hal yang bersifat **teknikal**. Peristiwa **hijrah** telah megesahkan hakikat tersebut.

Prinsip-prinsip dan dasar pengurusan dan organisasi dalam tulisan ini adalah satu penerokaan awal yang perlu dikembangkan lagi.

Sesungguhnya apa yang dilaksanakan oleh Rasulullah telah emnghayati saranan pemikir dan tokoh orgainsasi dan pengurusan moden, seperti **Mike Woodcock** dan **Dare Francis**, dalam bukunya **The Unblocked Manager: A Practical To Self Development, (1993)**, merumuskan bahawa pengurus perlu mempunyai kemahiran berikut:

- Nilai-nilai peribadi yang sihat
- Cita-cita peribadi yang jelas.
- Mengusahakan pertumbuhan peribadi terus-menerus.
- Keterampilan memecahkan persoalan.
- Kemampuan untuk menjadi kratif dan inovatif
- Kemampuan tinggi untuk mempengaruhi orang lain.
- Penekanan atas gaya pengurusan.
- Kemampuan mendidik dan mengembangkan orang lain.
- Kemampuan membangun dan mengembangkan pasukan yang efektif.

Sesungguhnya saranan oleh **Woodcock** dan **Francis** di atas, telah diamalkan secara prinsipnya oleh Rasulullah (saw) dalam peristiwa **hijrah**. Ini menunjukkan betapa mutiara-mutiara indah yang diamalkan sepanjang hidup Rasulullah punya tempat dan **relevensinya** yang dapat melihat dan menjadikan Rasulullah sebagai contoh dan ikutan dalam pelbagai bidang kehidupan, demi untuk kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Diyakini, denga menghayati nilai dan dasar yang ditunjukkan oleh Rasulullah (saw) mudah-mudahan kita terselamat dari pelbagai krisis, dan umat Islam mampu berdikari dengan jati dirinya sendiri dengan penuh keyakinan dan kecemerlangan.

Wallahu A'lam

BAHAN RUJUKAN SERTA BACAAN LANJUTAN

1. Al-Quran dan terjemahannya.
2. Sahih Muslim (terjemahannya).
3. Zakaria Bashir, The Meccan Curcible, (FOSIS:1978)
4. An-Nadawi, Abul Hasan, Riwayat Hidup Rasulullah (saw) (terjemahan Pustaka Nasional, Singapura: 1983).
5. Abdul Rauf, M.A., : "Konsep Negara Islam" dalam Seminar Mengenai Negara, (Kuala Lumpur, YADIM, 22 Sept. 1985.)
6. Al-Buti, Said Ramadhan, Fiqh Sirah, (Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar, 1983).
7. Hamidullah. M. , Muhammad Rasulullah (saw) (Karachi; 1979).
8. Syafiee. M. , Sebelum dan Sesudah Wahyu, (Kuala Lumpur:1979).
9. Al Maududi, S.A.A. , Muhammad (saw) Seorang Revolusioner Yang Agung, (Alor Setar:1984).
10. Ibn Hisyam, Sirah An-Nabi, (Kaherah; Percetakan Al-Halabi 1963) Jilid ke-3.
11. Mike Woodcock dan Dare Francis, The Unlocked Manager: A Practical Guide Self Development, (terjemahan DBP), Kuala Lumpur, (1993), Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Ali Syariati (1992) Rasulullah (saw) Sejak Hijrah Hingga Wafat, Jakarta, Pustaka Hidayah.
13. Khuram Murad, (1985) Konsep Pengorbanan dan Peribadi Muslim Sejati, Kuala Lumpur, Pustaka Risalah.
14. Juhary Ali, Asas Pengurusan (1987) , Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.